

30 NOV 1999

P/Raya-MIC (Reaksi)

KEMENANGAN BUKTIKAN SOKONGAN RAKYAT KEPADA BN

IPOH, 30 Nov (Bernama) -- Keputusan rakyat memilih Barisan Nasional (BN) untuk berkuasa kembali menunjukkan sokongan mereka itu adalah tulen dan berakar umbi, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata ia juga membuktikan bahawa sokongan yang diterima kerajaan sejak kemerdekaan bukanlah sesuatu yang sementara.

"Ini adalah kemenangan yang menyakinkan walaupun kita tewas di beberapa tempat," katanya semasa mengulas kejayaan BN membentuk kerajaan dengan majoriti lebih dua per tiga undi.

Samy Vellu, yang mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput, berkata satu daripada alasan utama kemenangan itu ialah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata beliau sedih BN tewas di Kelantan dan Terengganu.

Antara menteri yang tewas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Othman, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

"Saya sangat sedih. Mereka berkebolehan dan kekalahan mereka adalah satu kehilangan kepada negara," katanya.

Sambil menyifatkan sebagai malang bagi BN untuk tewas kepada PAS di Terengganu dan Kelantan, Samy Vellu berkata beliau sedih rakyat di negeri itu menafikan pembangunan sempurna seperti mana yang berlaku di Kelantan sekarang.

Mengenai prestasi calon-calon MIC, katanya beliau gembira melihat semua tujuh kerusi parlimen dan 15 kerusi negeri dimenangi calon BN.

"Saya jangkakan kemenangan 100 peratus dan saya gembira kita dapat lakukannya menerusi kerjasama rapat dengan parti-parti komponen BN," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung MCA, Datuk Ting Chew Peh berkata semua calon MCA akan meneruskan perkhidmatan kepada rakyat termasuk di kawasan yang ia tewas.

"Kita akan pastikan semua calon yang menang menunaikan janji mereka kepada para pengundi. Tetapi kita juga akan pastikan kawasan yang kita tewas terus diberi perhatian," katanya.

Ting menang kerusi Gopeng dengan 21,036 undi untuk menewaskan calon DAP Abdul Rahman Said yang mendapat 14,676 undi.

-- BERNAMA

AR PBA NAK